



## BAHASA MELAYU DI PERSADA DUNIA

# Singapura “Memeluk Akar Menyuluh ke Langit”

Oleh: Mashitah Tahirin

“Gugatan dan cabaran yang dihadapi oleh Dunia Melayu dalam era pasca-kolonial, pascamoden dan globalisasi kian kencang dan hebat, menuntut kita untuk segera menilai kembali keberkesanan bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu dalam mengisi keperluan kini dan masa depan”. Tegasnya lagi, “peranan para cendekia dan sarjana bahasa, sastera dan budaya Melayu amat penting dalam proses penilaian dan penciptaan semula bangsa dan budaya Melayu. Pengajian Melayu mempunyai tanggungjawab besar dalam proses memperkasakan dan mengangkat darjat

bahasa, sastera dan budaya Melayu di dunia antarabangsa”. Demikian dinyatakan oleh Prof. Madya Dr. Hadijah Rahmat, Penolong Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia, Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Singapura dalam ucapannya di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu III, Singapura.

Terdahulu, Pengerusi Persidangan, Prof. Madya Dr. Kamsiah Abdullah dalam ucapan alu-aluannya menyatakan tema “Memeluk Akar Menyuluh ke Langit” melambangkan keprihatinan kita dan wawasan kita tentang kesinambungan warisan tradisi, bahasa, sas-

tera dan budaya serta hasrat kita untuk maju ke mercu ilmiah. Dalam beraspirasi menuju ke puncak kecemerlangan, kita tidak akan meninggalkan akar budaya kita yang amat tinggi nilainya.

Persidangan selama dua hari yang berlangsung dari 15 hingga 16 Julai 2006 itu telah dirasmikan oleh Y. B. Encik Masagos Zulkifli, Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan Singapura. Tegass beliau, “sejajar dengan tema persidangan, adalah penting bagi kita mendalami asal usul dan menghargai bahasa, nilai dan tradisi kita dalam menentukan arah masa hadapan dan membina kehidupan dalam dunia yang pesat berubah ini”.

Tegassnya lagi, “Singapura boleh berbangga dengan identiti Asianya yang unik sebagai negara berbilang bangsa, bahasa dan agama. Salah satu kekuatan Singapura ialah keupayaan rakyatnya menguasai kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan Singapura dan juga bahasa rantau yang penting, akan terus merapatkan anggota masyarakatnya dengan kebudayaan dan warisan sendiri. Namun, pada masa yang sama kita juga menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku sama ada pada peringkat sejagat atau serantau dari segi ekonomi, sosial mahupun teknologi yang membawa kesan kepada bahasa, sastera dan kebudayaan kita. Dalam konteks masyarakat kita, cabaran yang kita hadapi dapat dilihat daripada perubahan profil pengguna bahasa Melayu dan persekitaran sosial menyebabkan pendedahan pada penggunaan bahasa Melayu di rumah dalam

kalangan pelajar kita semakin berkurangan”.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) telah memainkan peranan penting untuk membentuk minat dan kecenderungan pelajar serta pelibatan masyarakat sebagai pemangkin dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang lebih luas, melepasi batas kelas dan kawasan sekolah. Visi Arif Budiman yang disarankan oleh MLPRC diharapkan dapat mempertingkatkan dan meluaskan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan anak muda di Singapura.

Sebanyak 60 kertas kerja dan 3 Kertas Perdana telah dibentangkan oleh pemakalah dari Brunei, Indonesia, Malaysia, dan Singapura. Penulis, selaku wakil Dewan Bahasa dan Pustaka turut membentangkan kertas kerja bertajuk “Peranan Lirik Lagu dalam Memartabatkan Bahasa Melayu: Perbandingan dengan Lagu-lagu Lama dari Sudut Stilistik dan Kesalahan Bahasa”.

Sempena persidangan tersebut, Majlis Forum bertajuk: “Memeluk Akar Menyuluh ke Langit: Pemartabatan Pengajian Melayu” telah diadakan. Ahli panel terdiri daripada Prof. Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar (Malaysia), Prof. Madya Dr. Hadijah Rahmat (Singapura), Prof. Madya Dr. Rachmat Djoko Pradopo (Indonesia) dan Dr. Haji Awang Asbol Haji Mail (Brunei). Antara resolusi persidangan tersebut adalah untuk meneruskan usaha pemartabatan bahasa Melayu melalui pendidikan formal dan tidak formal.



## DI MANA BUMI DIPIJAK DI SITU LANGIT DIJUNJUNG

# “Jom Indulge” atau “Mari Nikmati”?

Oleh: Normala Mohamad Yusof

Aiskrim Nestle memang manis, sedap, enak dan menyelerakan. Namun, yang tidak enaknyalah ialah ungkapan “Jom Indulge” digunakan dalam iklan promosi aiskrim Nestle yang terpamer pada gegantungan yang dipasang di sebatang jalan di Taiping, Perak. Atas kesedaran dan menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, pembaca *Klik DBP*, Encik Pakiras a/l M. Periasamy rasa terpenggil untuk menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap iklan tersebut kepada Editor *Klik DBP* untuk dikongsi bersama-sama pembaca.

Menurut *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary, 2000*, “indulge” bermaksud membenarkan diri sendiri menikmati kebagusan sesuatu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* pula “nikmati” bermaksud mengecap, mengalami atau merasai sesuatu yang sedap, lazat dan menyamankan dsb.

“Rasai” pula bermaksud mengecap makanan, minuman, dll atau mencicip. Oleh itu, sekiranya syarikat Nestle ingin mengajak pembeli yang rata-ratanya kanak-kanak dan remaja untuk membeli aiskrim tersebut, padanan yang sesuai dan tepat bagi “Jom Indulge” ialah “Mari Nikmati” atau “Mari Rasai”. Tambahan pula peringkat umur penggemar produk tersebut pastinya golongan kanak-kanak dan remaja yang kebanyakannya tidak memahami perkataan “indulge” berbanding dengan “nikmati” atau “rasai”. Perkataan “mari” lebih sesuai menggantikan “jom” yang merupakan kata ajakan bagi menarik perhatian pembeli agar menikmati kelazatan dan keenakan aiskrim tersebut.

Justeru, syarikat Nestle seharusnya menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami kerana bahasa turut mempengaruhi pembeli. Korpus bahasa Melayu kita cukup kaya dengan pelbagai perkataan dan istilah, cuma kita sebagai pengguna perlulah bijak dan kreatif menggunakannya.

## APA SUDAH JADI?

# Tiada Padanan dalam Bahasa Melayu?

Agensi kerajaan seharusnya menunjukkan contoh yang baik dalam memartabatkan bahasa kebangsaan. Tetapi lihatlah apa yang terjadi di Taiping ini? Majlis Perbandaran Taiping (MPT) nampaknya tidak peka dalam penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Pemilihan nama “Anjung Damai” memangnya mengutamakan bahasa kebangsaan, tetapi mengapa ‘Sports Centre’? Mengapa ‘Since 2003’?

Alangkah baik dinamai ‘Pusat Sukan Anjung Damai’ dan ‘Since 2003’ digantikan dengan “Sejak 2003”.

Nama menu juga begitu cantik ditulis dalam bahasa Melayu. Sayang sekali perkataan “istimewa” tidak digunakan bagi menggantikan ‘special’, seolah-olah menyatakan tiada padanannya dalam bahasa Melayu.

Taiping merupakan salah sebuah destinasi pelancongan yang menjadi daya tarikan pelancong asing. Kesempatan ini seharusnya dimanfaatkan

untuk memperkenalkan bahasa kita.

● Hantarkan sebarang kesalahan atau kesilapan bahasa kebangsaan yang anda temui melalui e-mel: [mashitah@dbp.gov.my](mailto:mashitah@dbp.gov.my), atau kiriman kepada Ketua Editor *Klik DBP*, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur. Hadiah istimewa menunggu anda.

